

FREQUENTLY ASKED QUESTION (FAQ)

SOALAN YANG SERING DITANYA BERKAITAN PELAJAR BAHARU MESIR SESI AKADEMIK 2021

ISU UMUM

1. Mengapakah para pelajar baharu Pengajian Islam pada tahun 2020 tidak boleh hadir ke Mesir seperti para pelajar sebelum ini?

Jawapan : Seperti diketahui, penularan wabak Covid19 di seluruh dunia telah mengubah kebiasaan menjadi norma baharu. Pelbagai pihak perlu mengambil langkah sewajarnya untuk mengelakkan penularan wabak dengan memperkenalkan kaedah baharu. Atas dasar inilah Markaz Lughah (Pusat Bahasa Arab) Syeikh Zayed telah memperkenalkan ujian penentuan bahasa (*Imtihan Qabul*) secara atas talian kerana pergerakan individu keluar negara dihadkan oleh pihak berkuasa.

Melalui kaedah ini, para pelajar baharu boleh mengambil *Imtihan Qabul* dan mengikuti kelas bahasa secara atas talian di Malaysia tanpa perlu hadir ke Mesir. Para pelajar boleh hadir ke Mesir setelah menamatkan kelas bahasa dan menyambung pengajian Tahun Pertama di Al Azhar, dijangka pada bulan **Oktober 2021**.

2. Apakah langkah seterusnya setelah saya kemukakan dokumen *softcopy* dan *hardcopy*?

Jawapan : Permohonan anda (maklumat daripada *softcopy* yang telah diemel) akan diproses lebih awal oleh EME. Manakala dokumen *hardcopy* yang telah dihantar akan diproses oleh Bahagian Education Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi. Semua dokumen *hardcopy* akan dikemukakan kemudian kepada pihak berkaitan di Mesir.

3. Bagaimanakah caranya jika pelajar ingin membeli kad sim telefon bimbit / internet?

Jawapan : Pembelian kad sim (*sim card*) telefon / internet (nombor Mesir) boleh di buat di mana-mana kedai syarikat pengendali (telco) di Mesir. Pelajar boleh memilih pakej *sim card* panggilan dan internet atau *sim card* internet sahaja. Dokumen yang diperlukan adalah salinan pasport dan salinan visa yang masih sah laku.

Jika pelajar ingin mengekalkan nombor telefon Malaysia sedia ada untuk aplikasi Whatsapp dan lain-lain, mereka boleh membeli *sim card* internet Mesir.

Jika nombor telefon Malaysia terkini adalah dengan pakej bil / *post paid*, adalah dinasihatkan agar pelajar menukar pakej kepada *pre paid* sebelum keluar negara agar tidak terbeban dengan bil bulanan nombor Malaysia.

ISU KEWANGAN / JANGKAAN PERBELANJAAN

1. Berapakah anggaran kos sara hidup di Mesir?

Jawapan : Secara umumnya, kadar tukaran wang Malaysia lebih tinggi berbanding Mesir. Dianggarkan kos sara hidup di Mesir bagi seorang pelajar adalah sekitar RM600 hingga RM800 sebulan, meliputi kos sewa rumah (secara kongsi), pengangkutan dan makan minum.

2. Berapakah nilai sewa rumah di Mesir?

Jawapan : Kebiasaannya pelajar akan menyewa rumah bersama rakan-rakan yang lain. Anggaran kadar sewa rumah jika dikongsi di sekitar Kaherah adalah EGP350 hingga EGP700 seorang, bergantung pada saiz rumah dan bilangan penghuni.

3. Berapakah kos pengajian bagi setiap bidang yang ditawarkan di Mesir?

Jawapan : Kos pengajian, bidang dan tempoh pengajian adalah seperti berikut, tertakluk pada pindaan semasa :

KELULUSAN AKADEMIK	BIDANG
SPM	Ulum Islamiah (Yuran USD1,000 setahun x 4 tahun) Lelaki dan Perempuan · Ulum Islamiah (Syariah, Usuluddin) Sains Kesihatan (Yuran USD8,000 setahun) · Pergigian – 5 tahun · Farmasi – 5 tahun

<p>STAM (sekurang-kurangnya pangkat JAYYID)</p>	<p>Pengajian Islam / Dirasat Islamiah (Yuran EGP500 setahun x 4 tahun)</p> <p>Lelaki :</p> <ul style="list-style-type: none"> · Syariah dan Undang-Undang · Bahasa Arab · Usuluddin · Pengajian Islam dan Bahasa Arab (Dirasat) · Dakwah <p>Perempuan :</p> <ul style="list-style-type: none"> · Pengajian Islam dan Bahasa Arab (Dirasat) (Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab)
<p>Sijil Qiraat</p>	<p>Diploma Qiraat – 3 tahun (Tiada Yuran Pengajian)</p>

4. Berapakah kadar tukaran wang RM dan EGP?

Jawapan : Kadar tukaran wang Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada bulan Mei 2021 adalah seperti berikut :-

1 USD	RM 4.1672
1 EGP	RM 0.2636

5. Di manakah kami boleh membuat tukaran wang, adakah di Malaysia atau di Mesir?

Jawapan : Pelajar boleh memilih untuk membuat tukaran wang Ringgit Malaysia (RM) ke *Egypt Pound* (EGP) di Malaysia atau di Mesir. Namun demikian, pelajar digalakkan membuat urusan pertukaran wang di Mesir, kerana kadar tukaran yang lebih tinggi berbanding di Malaysia. Tukaran wang di Mesir boleh menggunakan wang USD untuk mendapat wang EGP. Oleh itu, pelajar digalakkan membuat tukaran wang Ringgit Malaysia (RM) ke *US Dollar* (USD) di Malaysia untuk ditukarkan kepada EGP di Mesir.

Sepanjang minggu Taaruf, EME boleh membantu menguruskan pertukaran wang bagi para pelajar yang memerlukan. Pelajar juga mempunyai pilihan untuk menukar wang (USD ke EGP) di pelbagai bank di sekitar Kaherah.

KETIBAAN DI MESIR

1. Siapakah yang akan menguruskan para pelajar apabila tiba di Mesir?

Jawapan : Ketibaan pelajar di Mesir, akan diuruskan oleh Atase Pendidikan Negeri dan Education Malaysia Egypt (EME).

2. Adakah pelajar baharu akan disambut di lapangan terbang?

Jawapan : Ya, para pelajar baharu akan disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah (*Cairo International Airport*) oleh EME dan Atase Pendidikan Negeri atau wakilnya berdasarkan kepada maklumat jadual penerbangan yang diperoleh. Pelajar seterusnya akan dibawa ke Rumah Negeri atau tempat-tempat lain yang telah dikenalpasti untuk urusan penginapan.

3. Apakah program yang telah dirancang untuk para pelajar baharu?

Jawapan : Setelah tiba di Mesir dan mendapat penginapan masing-masing, para pelajar akan memulakan kehidupan mengikut budaya dan cara hidup di Mesir. Antara program yang sedang dirancang adalah Taaruf, di mana para pelajar akan didedahkan dengan pelbagai maklumat seperti urusan konsular, taklimat keselamatan, taklimat akademik, kesihatan dan slot khas Bersama Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) dan wakil Universiti Al-Azhar.

IMTIHAN QABUL

1. Apakah itu *Imtihan Qabul* (IQ)?

Jawapan : IQ ialah ujian untuk menentukan tahap penguasaan Bahasa Arab di kalangan para pelajar sebelum mula memasuki kuliah. IQ akan dikendalikan oleh Markaz Lughah Syeikh Zayed. Keputusan daripada ujian IQ akan menentukan tahap Bahasa Arab pelajar, dan para pelajar akan memasuki kelas bahasa mengikut keputusan IQ masing-masing.

Nama lain bagi IQ ialah *Ikhtibar Lughawi*.

2. Bilakah tarikh sebenar *Imtihan Qabul* (IQ) tersebut?

Jawapan : Mulai tahun 2020, IQ diadakan secara atas talian kerana penularan wabak Covid19. Tarikh akan diumumkan oleh pihak Markaz Lughah dari semasa ke semasa. Pelajar boleh memilih tarikh-tarikh yang bersesuaian dengan kelapangan masa masing-masing.

3. Bagaimana sekiranya saya gagal *Imtihan Qabul*?

Jawapan : IQ diadakan bagi menguji tahap penguasaan Bahasa Arab para pelajar. Tiada keputusan lulus atau gagal bagi ujian ini. Pelajar yang mendapat markah tinggi akan memasuki kelas Bahasa Arab (secara atas talian) peringkat

yang lebih tinggi dan dijangka lebih cepat boleh memulakan kuliah. Sebaliknya pelajar yang mendapat markah rendah akan memulakan kelas di tahap yang rendah dan perlu menghabiskan semua tahap bahasa dalam tempoh tertentu. Kumpulan pelajar ini dijangka akan masuk ke kuliah lebih lewat, berkemungkinan pada tahun berikutnya. Terdapat 7 Tahap Kelas Bahasa yang perlu diikuti.

4. Berapakah tahap bahasa yang perlu dilalui oleh pelajar di Markaz Lughah?

Jawapan : Setiap pelajar perlu menghabiskan 7 tahap (mustawa) secara atas talian, bergantung kepada keputusan IQ masing-masing. Senarai tahap, tempoh kelas dan kadar bayaran yuran adalah seperti berikut:

TAHAP	MUSTAWA	YURAN (USD)*	TEMPOH*
1	Mubtadi Awwal	100	5 minggu
2	Mubtadi Thani	100	5 minggu
3	Mutawassit Awwal	100	5 minggu
4	Mutawassit Thani	100	5 minggu
5	Mutaqaddim Awwal	100	5 minggu
6	Mutaqaddim Thani	100	5 minggu
7	Mutamayyiz	100	3 minggu

* tertakluk pada pindaan Markaz Lughah Syeikh Zayed

7. Adakah semua pelajar perlu menduduki IQ?

Jawapan : Hanya pelajar Pengajian Islam (Dirasat Islamiah dan Ulum Islamiah) sahaja yang perlu menduduki IQ yang dikendalikan oleh Markaz Lughah Syeikh Zayed. Manakala pelajar Qiraat perlu menduduki IQ yang dikendalikan oleh Dirasah Khassah Al Azhar secara bertulis. Para pelajar ini akan menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar kuliah dan buku rujukan.

Pelajar Sains Kesihatan (Pergigian dan Farmasi) tidak perlu menduduki IQ kerana bahasa pengantar yang digunakan adalah Bahasa Inggeris. Manakala pelajar KUIPSAS tidak perlu menduduki IQ kerana para pelajar ini akan terus memasuki kuliah di tahun 3 (Perjanjian Persefahaman KUIPSAS – Al Azhar).

VISA

1. Di manakah visa Mesir boleh diperolehi?

Jawapan : Pelajar yang menerima **surat pengesahan berjaya** (layak menyambung di Universiti Al-Azhar) boleh memohon visa di Kedutaan Besar Republik Arab Mesir beralamat di 12, Lorong Ru, off Jalan Ampang Hilir, 55000 Kuala Lumpur. Visa yang akan diberi adalah *Visa for Visitor (single entry)* untuk tempoh 90 hari.

Maklumat lanjut berhubung permohonan visa boleh dirujuk di laman sesawang www.mfa.gov.eg

2. Bolehkah mendapat *Visa On Arrival (VOA)*?

Jawapan : VOA yang diberikan semasa ketibaan di *Cairo International Airport* adalah bagi pelancong sahaja dan bukan pelajar. Pelajar perlu mendapatkan visa di Kedutaan Besar Republik Arab Mesir di Kuala Lumpur.

PENGINAPAN

1. Di manakah pelajar akan menginap di Mesir?

Jawapan : Pelajar mempunyai 3 pilihan penempatan di Kaherah iaitu:

- i. Asrama-asrama negeri
- ii. Rumah sewa
- iii. Dewan Malaysia Abbasiyah Kaherah (DMAK) – tertakluk pada kekosongan

2. Bagaimana cara untuk memohon untuk menginap di Dewan Malaysia Abbasiyah Kaherah (DMAK)?

Jawapan : Permohonan untuk menjadi penghuni DMAK boleh dibuat secara atas talian melalui pautan <http://bit.ly/dmak102>. Maklumat lanjut boleh diperolehi di laman web www.emegypt.net. Kelulusan adalah tertakluk pada kekosongan bilik.

KEMASUKAN KE UNIVERSITI AL-AZHAR

1. Bilakah pelajar boleh memulakan kuliah di Universiti Al-Azhar?

Jawapan : Pada kebiasaannya, kemasukan pelajar ke Universiti Al-Azhar ialah pada bulan Oktober setiap tahun. Walau bagaimanapun, pelajar Pengajian Islam (Dirasat Islamiah dan Ulum Islamiah) perlu lulus tahap Mutamayyiz Bahasa Arab kelolaan Markaz Lughah Syeikh Zayed terlebih dahulu sebelum dibenarkan memasuki kuliah.

Anggaran kemasukan **Sesi Pengajian di Universiti** mengikut tahap (mustawa) yang diikuti oleh pelajar Markaz Lughah secara atas talian adalah seperti berikut :

Bil	Mustawa	Sesi Pengajian di Universiti*
1	(Elementary 1/ Mubtadi' 1)	Sesi 2022/2023 (kemasukan Oktober)
2	Asas 2 (Elementary 2/ Mubtadi' 2)	Sesi 2022/2023 (kemasukan Oktober)
3	Pertengahan 1 (Intermediate 1/ Mutawassit 1)	Sesi 2022/2023 (kemasukan Oktober)
4	Pertengahan 2 (Intermediate 1 / Mutawassit 2)	Sesi 2022/2023 (kemasukan Oktober)
5	Pertengahan Atas 1 (Upper Intermediate 1/ Mutaqaddim 1)	Sesi 2021/2025 (kemasukan Oktober)

Bil	Mustawa	Sesi Pengajian di Universiti*
6	Pertengahan Atas 2 (<i>Intermediate 2/ Mutaqaddim 2</i>)	Sesi 2021/2025 (kemasukan Oktober)
7	Cemerlang (<i>Advanced/ Mutamayyiz</i>)	Sesi 2021/2025 (kemasukan Oktober)

2. Bagaimanakah pelajar boleh mendaftar masuk ke universiti di Mesir?

Jawapan : Pendaftaran masuk ke universiti bagi para pelajar Malaysia hanya diuruskan oleh EME. Setelah selesai pendaftaran di universiti, setiap pelajar akan diberikan resit pendaftaran (*isol tansiq*) yang mengesahkan fail pelajar telah diterima dan diproses oleh universiti.

EME tidak bertanggungjawab terhadap sebarang masalah termasuk fail / pendaftaran / dokumen pelajar di universiti sekiranya pelajar menggunakan khidmat pihak ketiga selain daripada EME untuk kemasukan ke universiti-universiti di Mesir.

PROSEDUR KEMASUKAN KE MESIR

Setiap pelajar / pelawat (termasuk pasangan dan anak-anak) yang ingin datang ke Mesir perlu menyediakan dokumen-dokumen berikut dan mengikut *standard operation procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan Kerajaan Republik Arab Mesir.

Berikut disenaraikan dokumen / prosedur yang perlu dipatuhi:-

SEBELUM BERLEPAS KE MESIR

1. Dokumen Pengenalan Diri

1.1 Pasport

Pasport yang dikemukakan mestilah pasport yang belum tamat tempoh iaitu minimum 6 bulan sebelum tarikh luput.

1.2 Visa

Jenis visa yang boleh dimohon :

a) **Visa On Arrival**

Visa ini boleh dimohon semasa ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah dengan mengemukakan tiket penerbangan pulang 14 hari dari tarikh ketibaan. Visa hanya dikeluarkan untuk **tempoh sah laku 14 hari**.

b) **Visa Pelancong**

Visa yang diberikan adalah *Visa for Visitor (single entry)* untuk **tempoh sah laku 3 bulan (90 hari)**.

Permohonan boleh dibuat di Kedutaan Besar Republik Arab Mesir beralamat di 12, Lorong Ru, off Jalan Ampang Hilir, 55000 Kuala Lumpur. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah:

- i. Borang permohonan (boleh di muat turun melalui pautan: https://drive.google.com/file/d/0BzDnTLRgonH0Z1cyZ1F4bDgyMIU/view?fbclid=IwAR0NHDw96ovsxnkegaBNH42_Y2-atQ5bhzzrp-Z6BVWv4nMDjIE1TTwno)
- ii. Passport asli yang belum tamat tempoh
- iii. 2 keping gambar berukuran passport *background* putih
- iv. 1 Salinan muka depan passport
- v. 1 Salinan tiket kapal terbang
- vi. Wang proses: RM286 (3 bulan / 90 hari)

#Dokumen tambahan bagi pelajar sedia ada yang telah mendapat Visa Pelajar **tetapi visa telah tamat**:

- vii. 1 Salinan cop keluar Mesir (*khatim khuru*)
- viii. 1 Salinan cop masuk Malaysia (*khatim dukhu*)
- ix. 1 Salinan akad rumah/bil elektrik/bil air di Mesir
- x. 1 Salinan *Tasdiq* yang terkini
- xi. 1 Salinan kad pelajar EME /Surat Tawaran Universiti yang sah
- xii. 1 Salinan terjemahan kad pelajar/Surat Sokongan (sekiranya tiada kad EME) yang disahkan oleh Pegawai Atase Negeri

Catatan :

- Permohonan Visa Pelancong dijangka siap dalam tempoh 5 ke 8 hari bekerja (1 hingga 2 minggu). Urusan visa ini boleh diwakilkan kepada individu / ejen yang dipercayai.
- Sebelum visa pelancong tamat tempoh 90 hari, pelajar baharu / pelawat yang telah tiba di Mesir boleh memperbaharui visa di Jabatan Imigresen Mesir. Pembaharuan visa pelancong boleh dibuat sementara menunggu proses mendapatkan pengesahan kemasukan ke

universiti (*tasdiq*). Dokumen yang perlu dikemukakan adalah:

1. Borang permohonan dari Jabatan Imigresen Mesir
2. Pasport asli yang belum tamat tempoh
3. 2 keping gambar berukuran passport *background* putih
4. 1 Salinan muka depan passport
5. 1 Salinan cop masuk Malaysia (*khatim dukhu*)
6. 1 Salinan akad rumah/bil elektrik/bil air di Mesir

c) **Visa Pelajar**

Visa Pelajar hanya boleh dimohon di Jabatan Imigresen Mesir dengan mengemukakan surat pengesahan universiti (*tasdiq*) dan beberapa dokumen lain. Visa Pelajar diberikan untuk **tempoh sah laku 1 tahun**. Urusan permohonan Visa Pelajar Malaysia diuruskan oleh Pejabat Wakil Visa di Rumah Wilayah Persekutuan, Hayyu Sabiek, Kaherah.

2. **Surat Pengesahan Pelajar / Surat Tawaran Kemasukan ke Universiti**

- 2.1 Pelajar baharu yang berjaya melanjutkan pengajian di Mesir akan menerima **surat pengesahan berjaya** yang boleh dimuat turun daripada sistem dalam talian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Surat ini perlu ditunjukkan kepada pegawai imigresen di KLIA sekiranya diminta.
- 2.2 Pelajar sedia ada yang sedang melanjutkan pengajian di Mesir perlu mengemukakan **mana-mana satu dokumen** berikut kepada pegawai imigresen di KLIA sebagai bukti status mereka sebagai pelajar:
 - a) Salinan Terjemahan *tasdiq** yang dikeluarkan oleh EME (*dokumen asli dikeluarkan oleh universiti dalam Bahasa Arab dan perlu diterjemah oleh EME ke Bahasa Melayu); atau
 - b) Salinan Terjemahan kad pelajar / kerneh* yang dikeluarkan oleh EME; atau
 - c) Salinan Kad Pelajar yang dikeluarkan oleh EME; atau
 - d) Surat Pengesahan Pelajar yang dikeluarkan oleh EME. Surat ini boleh dimohon melalui pautan: <http://bit.ly/eme-pengesahan> dan akan dikemukakan melalui email pemohon.

3. **PCR Test Dengan Keputusan Negatif Covid19**

- 3.1 *PCR Test* yang dibuat adalah dalam tempoh 72 jam sebelum penerbangan.

3.2 Pelajar perlu menunjukkan **dokumen asal** apabila diminta oleh pegawai di setiap pintu masuk.

4. Rekod Suntikan Polio

4.1 Mulai bulan Mac 2021, setiap penumpang penerbangan dari Malaysia ke Mesir perlu mengemukakan buku rekod suntikan **international vaccine certificate of Polio IPV**.

4.2 Arahan ini masih digunapakai sehingga mendapat arahan terbaharu oleh Kerajaan Republik Arab Mesir.

5. Insuran Kesihatan

5.1 Pelajar / pelawat perlu mempunyai insuran pengembara (*traveller insurance*) / takaful yang akan menampung kos perubatan sekiranya pemegang polisi dijangkiti Covid19.

5.2 Polisi insuran mestilah sah pada tarikh penerbangan. Tempoh polisi tidak ditetapkan sama ada 2 bulan, 6 bulan atau setahun.

5.3 Pembelian polisi adalah tertakluk kepada kemampuan individu.

6. Pemakaian Alat Pelitup Muka

6.1 Pemakaian *face mask* adalah diwajibkan sepanjang berada di dalam kawasan awam, termasuk sepanjang tempoh penerbangan.

7. MyTravelPass (MTP)

7.1 Warganegara Malaysia yang perlu ke luar negara atas sebab-sebab kecemasan / penting boleh memohon kebenaran khas daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Para pelajar baharu yang ingin keluar negara untuk melanjutkan pengajian juga termasuk dalam kategori ini.

7.2 Permohonan boleh dikemukakan secara atas talian di laman sesawang: <https://mtp.imi.gov.my/myTravelPass/main>

7.3 Pemakluman ini boleh diakses melalui pautan IMI : <https://www.facebook.com/imigresen/posts/4205315999534823>

7.4 Arahan ini berkuatkuasa mulai 17 Mei 2021.

SETELAH TIBA DI LOKASI TRANSIT

1. Mulai tahun 2017 tiada lagi penerbangan terus daripada Kuala Lumpur ke Kaherah (KUL-CAI). Sebaliknya semua penerbangan akan berhenti (transit) di lokasi tertentu bergantung kepada syarikat penerbangan yang dipilih.

2. Contoh lokasi transit berdasarkan syarikat penerbangan:

2.1 Emirates: KUL-DXB-CAI (Dubai)

- 2.2 Turkish Airlines: KUL-IST-CAI (Istanbul)
- 2.3 Saudi Airlines: KUL-JED-CAI (Jeddah)
- 2.4 Egypt Air: KUL-BKK-CAI (Bangkok)
3. Dicadangkan agar semua pelajar / pelawat **berada di kawasan transit sahaja** untuk memudah dan mempercepatkan urusan. Sekiranya pelajar / pelawat keluar daripada kawasan transit untuk bersiar-siar sementara menunggu penerbangan seterusnya, mereka perlu melalui semula semua urusan untuk check-in di lapangan terbang seperti di KLIA. Prosedur *check in* juga mungkin boleh berubah mengikut lokasi transit masing-masing.

SETELAH TIBA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KAHERAH (CAI)

1. **Pemeriksaan Imigresen Dan Kastam Mesir**
 - 1.1 Semua penumpang penerbangan perlu melalui proses biasa pemeriksaan agensi terlibat di pintu masuk lapangan terbang.
 - 1.2 Pelajar / pelawat perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri dan kesihatan apabila diminta.
2. **Kuarantin**
 - 2.1 Semua penumpang perlu menjalani **self quarantine** di kediaman masing-masing dalam tempoh 14 hari dari tarikh ketibaan. Wakil Kementerian Kesihatan Mesir akan menghubungi pelajar / pelawat dari semasa ke semasa.

Maklumat Tambahan

1. Dicadangkan agar setiap dokumen yang diperlukan untuk penerbangan dapat disimpan secara *hardcopy* di dalam 1 fail khusus supaya tidak berlaku keciciran dan agar mudah ditunjukkan apabila diminta oleh pegawai di lapangan terbang. Salinan *softcopy* bagi setiap dokumen juga disimpan di dalam telefon bimbit masing-masing sebagai langkah keselamatan tambahan.
2. Setiap pelajar / pelawat adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk syarikat penerbangan yang dipilih berhubung keperluan-keperluan terbaharu yang ditetapkan oleh mereka ataupun Kerajaan Republik Arab Mesir. Ini bagi mengelakkan situasi tidak dibenarkan untuk berlepas pada saat-saat akhir.

Rujukan:

1. Portal Rasmi Kementerian Luar Mesir : www.mfa.gov.eg
2. Portal Rasmi Jabatan Imigresen Malaysia : <https://www.imi.gov.my/>

3. Portal Rasmi Egypt Air : <https://www.egyptair.com/en/about-egyptair/news-and-press/Pages/EGYPTAIR%20is%20back%20to%20the%20Sky%20as%20of%2001July%202020.aspx>

**EDUCATION MALAYSIA EGYPT
Mei 2021**